



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA KEMENTERIAN KESIHATAN

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KOMPLEKS DEWAN BEDAH, ICU DAN WAD TAMBAHAN, HOSPITAL KUALA LUMPUR

25 SEPTEMBER 2023

YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya dan YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Kompleks Dewan Bedah, ICU dan Wad Tambahan Hospital Kuala Lumpur (HKL) hari ini.

Projek bawah seliaan Jabatan Kerja Raya ini dilaksanakan secara reka dan bina oleh kontraktor Johawaki Construction Sdn. Bhd dengan kos sebanyak RM171 juta. Projek ini berjaya disiapkan lebih awal dari tarikh siap yang ditetapkan dengan penjimatan kos sebanyak RM 9.0 juta. Selain itu, projek ini telah mencapai skor sebanyak 79% dalam Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (QLASSIC) serta mendapat pengiktirafan 4 bintang bagi Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Dalam Pembinaan (SHASSIC).

Projek ini merupakan sebahagian daripada projek pembangunan semula HKL yang melibatkan kerja-kerja perobohan bangunan lama dan membina semula Kompleks Dewan Bedah Urologi baharu yang berhubung dengan Blok A Institut Urologi dan Nefrologi (IUN).

Bangunan baharu setinggi tujuh (7) tingkat ini dikenali sebagai bangunan Blok B IUN menempatkan kemudahan-kemudahan baharu seperti Dewan Bedah, Unit Rawatan Rapi Urologi dan Nefrologi serta Unit Hemodialisis. Sebanyak

252 katil tersedia untuk High Dependency Wad, Wad Urologi, Wad Nefrologi dan Wad Perubatan Am dapat meningkatkan keupayaan rawatan sehingga 3 kali ganda pesakit di Unit rawatan AKUT Hemodialisis, dan 2 kali ganda pesakit di Unit Rawatan Rapi. **Bangunan IUN baharu ini dijangka akan beroperasi secara berperingkat pada akhir Oktober 2023.**

Selain itu, satu laluan bertingkat sepanjang 133 meter yang menghubungkan Bangunan Utama HKL ke Kompleks Pakar dan Rawatan Harian HKL bagi kegunaan membawa pesakit. Kerja-kerja menaiktaraf pencawang elektrik 10 (PE10) turut dilaksanakan di dalam skop pembinaan ini.

Bersesuaian dengan teknologi pembinaan terkini, konsep pembinaan dewan bedah modular dilaksanakan dengan kaedah pasang siap sepenuhnya. Sistem komunikasi dua hala bertaraf antarabangsa yang menghubungkan Dewan Bedah Robotik dan bilik seminar di aras yang berlainan turut dibina bagi menyokong tujuan pembelajaran dan penyelidikan.

Jabatan Urologi dan Jabatan Nefrologi HKL merupakan Pusat Rujukan Tertiri yang memberikan perkhidmatan kepakaran pemindahan buah pinggang. Kemajuan kedua-dua jabatan ini dalam melaksanakan transplan buah pinggang telah meningkat daripada 30 kes setahun kepada 92 kes pada tahun 2022 menyebabkan bilangan pesakit yang memerlukan rawatan sentiasa meningkat dan kadar penggunaan katil telah melebihi 100%.

Pembukaan kompleks dewan bedah urologi di bangunan ini juga akan memberi manfaat pembedahan transplant (*deceased and living transplant*), robotik, endourologi, *open cases*, laporoskopik dan vaskular serta pembedahan elektif dan pembedahan kecemasan.

Penyerahan Blok B, IUN HKL ini merupakan komitmen kerajaan dalam menyediakan prasarana dan perkhidmatan kepakaran perubatan yang terbaik dalam meningkatkan kualiti kesihatan rakyat.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

25 SEPTEMBER 2023